

Amerika, Russia masih main 'Perang Dingin'

Polis Dunia 'kurang menyengat' berbanding bekas Soviet Union

Apabila tentera terakhir Kesatuan Soviet Union berundur meninggalkan bumi Afghanistan pada 15 Februari 1989, Mujahidin mungkin bertakbir meraikan tamatnya pencerobohan kuasa blok Timur itu sejak 1979. Namun pada hakikatnya, pemenang sebenar ialah Amerika Syarikat (AS) kerana bantuan sistematik Washington kepada Mujahidin Afghanistan, memerangkap Soviet dalam peperangan yang seolah-olah tiada berkesudahan.

Hal inilah menyebabkan peperangan Afghanistan ini digambarkan sebagai 'Perangkap Beruang' oleh pihak Barat - merujuk kepada Russia. Keperkasaan Tentera Merah Soviet diragui, legitimasi Parti Komunis tercalar dan situasi ekonomi Soviet pasca-perang meruntuh. Musnahnya Soviet Union secara rasmi tiga tahun kemudian, menjadikan AS sebagai kuasa dunia tunggal menerajui hal ehwal ekonomi politik global.

Hegemoni AS selepas keruntuhan Soviet berlangsung tanpa tandingan. Perang Teluk 1991 melawan Saddam Hussein, di Bosnia menentang Serbia, Perang Afghanistan 2001 menumbangkan Taliban, dan Perang Iraq 2003 mengalahkan Saddam sekali lagi - semuanya menjadi bukti kekuatan ketenteraan AS yang menerajui Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO).

Kewujudan NATO yang asalnya bertujuan mengimbangi Pakatan Warsaw yang dikepalai Soviet juga berfungsi hampir sepenuhnya sebagai platform AS selepas Perang Dingin berakhir. Malah, kejayaan AS mengalahkan tentera Saddam pada 2003 dalam tempoh kurang sebulan mengejutkan banyak pihak kerana tentera Iraq pada waktu itu dianggap 'klon Tentera Merah Soviet' pada masa lalu.

Campur tangan AS di Syria

Hampir 25 tahun selepas pengunduran tentera Soviet dari Afghanistan, AS melancarkan satu lagi campur tangan ketenteraan di Asia Barat - kali ini di Syria. Persis situasi ekonomi politik domestik Soviet yang berada dalam situasi tidak menentu ketika Presiden Leonid Brezhnev mengerah angkatan Tentera Ke-40 memasuki Kabul pada 24 Disember 1979, keadaan dalaman AS juga tidak begitu stabil ketika Presiden Barack Obama mengisytiharkan hasrat AS untuk melancarkan serangan udara ke atas IS pada 10 September 2014.

AS baru sahaja mengalami krisis Subprima pada 2008-2009, di samping perlawanan berterusan dengan penentang di Iraq dan Afghanistan. Meskipun alasan serangan ketenteraan yang dikemukakan Obama semata-mata untuk menumpaskan IS, pada hakikatnya sejak 2011 lagi Washington membekalkan bantuan

kepada kumpulan Tentera Pembebasan Syria (FSA) untuk menumbangkan rejim Bashar Al-Assad tanpa memerlukan tentera AS sendiri menjejakkan kaki di bumi Syria.

Perlu disedari sebarang campur tangan ketenteraan oleh sesebuah negara asing di dalam wilayah negara lain perlu mendapat keizinan negara pemilik wilayah itu terlebih dahulu. Buat kesekian kalinya, AS tetap meneruskan langkah melancarkan serangan ke atas Syria tanpa persetujuan Presiden Bashar al-Assad. Kali ini juga, AS melanggar prinsip kedaulatan yang termaktub dalam undang-undang antarabangsa.

Polis Dunia kian lemah

Plot operasi serangan AS di Syria dilihat semakin lama tidak menuruti rentetan kejayaan mereka di Baghdad, Kabul, mahupun di Tripoli. Sebaliknya, buat kali pertama selepas menjadi 'Polis Dunia' tunggal dalam tempoh 20 tahun, kemegahan angkatan tentera AS mula dipersoalkan dari segi kecekapannya dan kelihatan 'kurang menyengat' berbanding seterusnya yang pernah ditumbangkan dua dekad lalu - Russia.

Hampir setahun selepas AS melancarkan serangan udara di Syria, dengan kos dianggarkan boleh mencecah hingga AS\$10 bilion seperti laporan *International Business Times*, penentangan di Syria masih jauh daripada dikalahkan. Sebaliknya, selepas Presiden Russia, Vladimir Putin mengisytiharkan campur tangan ketenteraan secara rasmi di Syria pada 30 September 2015, prestasi serangannya dilihat mengatasi AS.

Bukan sahaja penyertaan Russia adalah atas permohonan rasmi Bashar Al-Assad, malah pembabitan Russia juga berhasil membawa kepada gencatan senjata di seluruh Syria yang dituruti oleh AS mulai 27 Februari lalu. Fokus Washington ke arah Damsyik di Asia Barat turut melemahkan konsentrasinya di sebuah lagi paksi utama persaingan geopolitik dunia - Laut China Selatan.

Dalam keadaan di mana kebanyakan tumpuan, sumber, serta masa Washington terarah ke Damsyik yang didukung Moscow, Beijing pula memusatkan penguasaan mereka di kawasan panas di Pulau Woody. Persis Soviet Union yang terperangkap dengan peperangan gerila Mujahidin Afghanistan dahulu hingga kan terlepas pandang pada kebangkitan nasionalis dalam wilayahnya di Eropah Timur dan Asia Tengah, begitulah juga hegemoni Washington kini mulai dirungkai secara bersama oleh Russia dan China di dua kutub dunia yang berbeza.



←
**ABDUL MUEIN
ABADI**



**DR SAMS
MOHD**



Penulis

ialah Pensyarah Program Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)